



WAN NAZRUL HELMY

Usaha restorasi suburkan semangat patriotisme

STADIUM Merdeka bukanlah semata-mata sebuah gelanggang sukan dan rekreasi atau pentas acara, namun merupakan sebuah gelanggang kebangsaan yang diilhamkan pembinaannya oleh Baba Kemerdekaan negara.

Restorasi stadium ini merupakan usaha yang amat proaktif bagi memelihara sejarah yang tercipta di sana serta menyuburkan lagi semangat patriotisme masyarakat Malaysia.

Menurut Pensyarah Fakulti Pengurusan Industri, **Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah**, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd. Zain, tarafnya sebagai Warisan Kebangsaan menjamini keutuhan Stadium Merdeka dari sudut keashlian strukturnya dan falsafah di sebalik pembinaannya untuk dihargai rakyat Malaysia.

"Stadium Merdeka ini sarat dengan khazanah sejarahnya, apatah lagi sejarah yang tercipta di sana amat berkait rapat dengan kemerdekaan yang dicapai pada 31 Ogos 1957 dan penubuhan negara Malaysia pada 16 September 1963.

"Ia juga mempunyai nilai sejarah kebangsaan yang tersurat dan tersirat dan inilah yang perlu dikekalkan pada Stadium Merdeka serta lain-lain tapak Warisan Kebangsaan di seluruh Malaysia," katanya kepada K2.

Tambahnya, pacuan kemajuan yang pantas dan pesat boleh sahaja merisikokan tanah air kepada pengabaian sejarah silam yang membentuk identitinya kini.

Masyarakat juga perlu kluatir dengan sikap generasi muda Malaysia kini dalam memahami sejarah negara menurut perspektif yang betul, bersandarkan sumber sahih yang berwibawa.

"Justeru, kita juga bersyukur kerana dengan adanya Akta B-45 yang mula diwartakan pada 31 Disember 2005, Pesuruhjaya Warisan ada kuasa mengenal pasti dan mewartakan sesuatu objek atau tapak sebagai Warisan Kebangsaan. Justeru bangunan-bangunan yang terbukti memiliki nilai sejarah yang tinggi dapat dilindungi dan dipelihara melalui penguatkuasaan akta ini," ujarnya.

